

# Berita Bandara

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## BAJET DBKL MENINGKAT 14.2%

Pembentangan Bajet 2004 DBKL telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Datuk Mohamad Shaid bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Turut hadir pada pembentangan tersebut selain pihak media ialah Ahli-Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Ketua-Ketua Jabatan DBKL.

Bajet 2004 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang disifatkan sebagai satu bajet yang positif banyak ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan. Pendapatan dijangka diperolehi ialah RM2,079,251,871 manakala perbelanjaan dijangka akan melibatkan sejumlah RM2,073,795,080. Ini menghasilkan lebihan sebanyak RM5,456,79. Perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 28.48% (RM245,585,280), manakala perbelanjaan mengurus hanya meningkat sebanyak 1.38% (RM12,285,110).

Peningkatan perbelanjaan pembangunan yang besar itu adalah bagi tujuan menambahkan kemudahan dan keselesaan kepada warga kota kerana DBKL amat menitikberatkan kepada keperluan rakyat Kuala Lumpur.

Perbelanjaan mengurus dibahagikan kepada lima sektor iaitu Perbelanjaan perkhidmatan pengukuasaan, pelancongan, latihan dan penempatan serta perkhidmatan ICT.

Sektor perkhidmatan telah melibatkan perbelanjaan yang begitu besar berbanding daripada sektor-sektor yang lain yang mana menuju kepadanya kesihatan, pembersihan bandar, pengangkutan bandar, pembersihan sungai dan kerja-kerja aman seperti penyenggaraan jalanrajin dan lampu isyarat.

Sektor penguatkuasaan merupakan sektor yang penting bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan dan

undang-undang supaya masyarakat Kuala Lumpur dapat hidup dalam keadaan aman tenang. Perkhidmatan pengukuasaan meliputi kerja-kerja alam sekitar, pelesehan, penguatkuasaan undang-undang, anti-vandalisme dan pengawalan setinggan.

Keutamaan sektor seterusnya ialah sektor pelancongan yang mana termasuk aktiviti mempromosikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan dan juga sebagai perkhidmatan sokongan kepada festival-festival yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Perkhidmatan dan tanggungjawab terhadap masyarakat memerlukan pegawai yang cekap dan berupaya melaksanakan tugasnya dengan baik. Bagi mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan pegawai-pegawai DBKL dalam menyampaikan perkhidmatan kepada warga kota, peruntukan untuk latihan dan penempatan pegawai-pegawai juga dititikberatkan dalam bajet ini. Latihan diberi dalam bentuk kursus di peringkat Sarjana, Diploma, seminar dalam dan luar negara serta penempatan di institusi dan agensi dalam dan luar negara. Perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM15,143,983.

Program perkhidmatan ICT merupakan sektor yang penting. Program ini berbentuk penyenggaraan alat-alat dan sistem komputer serta penyewaan komputer dengan MIMOS. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM11,256,446.

Perbelanjaan pembangunan banyak



menumpukan kepada sektor infrastruktur, kemudahan lalulintas, pembangunan masyarakat/komuniti dan perkhidmatan, pelbagai dan pembangunan ICT. Pembangunan terbesar ialah pembinaan infrastruktur yang mana menelan belanja sebanyak RM577.65 juta atau 49.25%. Infrastruktur merupakan pembinaan jalan-jalan, persimpangan bertingkat, parit-parit dan sebagainya.

Perbelanjaan yang ditumpukan seterusnya ialah kemudahan lalulintas yang melibatkan belanja sebanyak RM254 juta. Antaranya melibatkan pembinaan sistem maklumat pengangkutan bersepedu (ITIS), menaik taraf siar kaki/pejalan kaki dan memperbaiki persimpangan jalan dan jelantah.

Pembangunan masyarakat/ komuniti dan pembangunan yang memberi dan mewujudkan kemudahan-kemudahan awam untuk dinikmati rakyat pula akan menelan belanja sebanyak RM227.04 juta. Perbelanjaan ini adalah untuk memastikan rakyat Kuala Lumpur dapat

.....bersambung ke muka surat 2



## Rencana Pengarang

Masa begitu pantas berlalu. Hari berganti minggu, minggu berganti bulan, bulan berganti tahun. Tahun 2003 akan menjelang dan meninggalkan tahun 2003 dengan seribu kenangan.

Tarikh 1 Januari kelazimannya dimulakan dengan azam untuk mengubah, memperbaiki, mempertingkatkan apa yang telah dimiliki serta mencapai apa yang dihajatkan. Ada yang ingin meneruskan azam tahun-tahun lepas yang belum tercapai dan tidak kurang juga yang menanam azam baru. Ada yang berazam untuk berusaha lebih keras bekerja lebih rajin, mencari duit lebih, membeli kereta baru, membeli rumah baru, mencari pekerjaan baru atau mungkin berpindah ketempat baru. Pendek kata, semuanya mahukan yang baru... Tidak ketinggalan mungkin ada juga yang inginkan penampilan baru yang mampu membangkitkan semangat untuk bekerja dengan lebih gigih.

Apa jua azam yang tersemat di sanubari perlu diiringi dengan usaha serta perancangan bagi merealisasikan azam tersebut menjadi kenyataan. Kalau tiada perancangan serta usaha yang tekad segala azam hanya tinggal azam. Walau apa pun azam yang diimpikan, yang penting, kita harus mempunyai 'kekuatan' serta daya usaha untuk memulakan dan keupayaan mencapai apa yang diinginkan.

### SELAMAT TAHUN BARU

#### ....sambungan dari muka depan


menikmati hidup yang selesa dan sihat. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah menyediakan pusat komuniti, taman-taman awam, kemudahan kampung, rekreasi, padang awam, pusat harian warga tua dan tandas awam.

Bagi sektor pelbagai pula ianya merangkumi kerja-kerja seperti mengganti video matrik di Dataran Merdeka, menaik taraf penjaja di Jalan Raja Alang dan Raja Muda Musa. Sebanyak RM92.31 juta telah diperuntukkan.


Perkhidmatan ICT pula akan menelan belanja sebanyak RM22 juta yang mana ianya melengkapkan sepenuhnya jaringan komunikasi ICT yang menyeluruh di kesemua jabatan dan bahagian DBKL menjadikan DBKL terangkai ke pihak luar. Antaranya pembangunan perpustakaan digital dan mewujudkan penyimpanan dokumen pada komputer.

Menurut Datuk Bandar, pada keseluruhannya segala perbelanjaan diperhitung secara bersama. Lebihan yang ada akan disumbang lagi menampung apa-apa perbelanjaan yang timbul secara tiba-tiba dan tidak dijangka seperti kecemasan yang memerlukan perbelanjaan besar atau sifangnya kerana keadaan warga kota akan dibentuk penuh perhatian.

#### ANGGARAN MENGURUS TAHUN 2004 RM900.79 JUTA



#### ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2004 RM1,173.01 JUTA



# KUALA LUMPUR DIKTIRAF


**C**ityNet telah mencadangkan agar Bandar Raya Bangkok dan Kuala Lumpur membuka pejabat-pejabat cawangan CityNet (*satellites offices*) bagi meningkatkan lagi perkhidmatan dan juga untuk memudahkan ahli-ahlinya mendapat maklumbalas. Kuala Lumpur terpilih kerana hasil usaha DBKL bersama-sama CityNet dan UNITAR menubuhkan Pusat Latihan KLRTC (*Kuala Lumpur Regional Training Centre*).

Kursus pertama yang telah diadakan di KLRTC ialah *Intergrated Urban Planning for Sustainable Urban Management* pada 14 hingga 24 September 2003. Di atas kecemerlangan Kuala Lumpur dalam mengadakan kursus pertamanya, UN-HABITAT berminat untuk bekerjasama dengan KLRTC bagi mengadakan kursus pada tahun 2004 dan 2005.

Perkembangan Kuala Lumpur itu telah dimaklumkan kepada peserta-peserta yang menghadiri Mesyuarat 18th Session CityNet Executive Committee (18-19 Oktober 2003) dan "Seminar On Inner City Revitalization and Poverty Reduction In The Asia and Pacific Region" (20-21 Oktober 2003) di Mutinlupa, Manila, Filipina.

Mesyuarat *Executive Committee* telah dipengerusikan oleh Datuk Bandar Yokohama yang juga merupakan Pengerusi CityNet.

**.....suatu kehormatan yang besar di mana Kuala Lumpur dilihat sebagai sebuah bandaraya yang progressive, professional, competent dan inovative.**



**Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Hj. Hasan, Ketua Pengarah DBKL semasa memberi laporan berkeraan penempatan semula setinggan dan pembinaan perumahan awam.**

Seminar antarabangsa yang dirasmikan oleh TYT Naib Presiden Filipina, Hon. Teofisto V. Guingona yang juga dihadiri oleh Y.Bhg Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan, Ketua Pengarah DBKL yang mewakili Kuala Lumpur telah membuat laporan berkeraan dengan program penempatan semula setinggan dan pembinaan perumahan awam seba-

gai satu usaha 'revitalization' di Kuala Lumpur. Selain itu, beliau juga membentangkan kertas kerja berkaitan dengan projek pemuliharaan semula 'China Town' secara visual.

Peserta seminar telah menyambut baik pencapaian projek tersebut yang bukan sahaja dapat meningkatkan Kawasan 'China Town', malah telah menaikkan taraf serta keupayaan dan ekonomi peniaga-peniaga terlibat.

Selain mesyuarat dan seminar, lawatan teknikal juga dibuat ke Pasar Harian Mutinlupa, Hospital Umum Mutinlupa

(satu projek usahasama Pentadbiran Mutinlupa dan sektor swasta), Memorial Perang Kedua (War Memorial) dan Bandar Makati.

Sebagai ahli *Executive Committee* CityNet, sumbangan DBKL telah diiktiraf. Pencapaian KLRTC telah meningkatkan martabat DBKL di kalangan Ahli Citynet dan agensi UN. Cadangan untuk mengadakan 'Satelite Office CityNet' di Kuala Lumpur juga adalah suatu kehormatan yang besar di mana Kuala Lumpur dilihat sebagai sebuah bandaraya yang *progressive, professional, competent* dan *inovative*.

Mesyuarat 19th Session CityNet Executive Committee of CityNet akan diadakan di Bandaraya Lyon, Perancis dalam bulan Disember 2004.

## Bantahan Awam Draf PSKL 2020 Diperingkat Akhir

**B**agi memastikan Kuala Lumpur dirancang dan dibangunkan untuk memenuhi matlamat sesuai dengan wawasan 'Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia', orang ramai dan pihak swasta serta sejumlah agensi kerajaan dan organisasi lain telahpun diberi peluang memberi pandangan dan bantahan sehadap cadangan yang terendung dalam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

Jawatankuasa Bantahan Awam telah menyerahkan keputusan jawatankuasa kepada Datuk Bandar untuk disemak.

Terdapat 162 bantahan/pandangan mengenai Draf Pelan struktur Kuala Lumpur 2020 telah diterima sebelum ianya diwartakan.

Majlis penyerahan tersebut telah diadakan di bangunan DBKL yang diserahkan sendiri oleh pengerusi Jawatankuasa Bantahan Awam. Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamed Ishak bin Mohamed Ariff.

Laporan Jawatankuasa Bantahan Awam ini seterusnya akan disemak oleh Y.Bhg.



**Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamed Ishak menyerahkan laporan Jawatankuasa Bantahan Awam Draf PSKL 2020 kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.**

Datuk Bandar sebelum dihantar kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.